

KANDUNGAN

Contents

1	Maklumat Korporat
2	Notis Mesyuarat Agung Tahunan
6	Panduan Korporat
7	Lembaga Pengarah
8	Profil Lembaga Pengarah
13	Jawatankuasa Pengurusan
14	Tadbir Urus Korporat
20	Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
24	Penyata Pengerusi
28	Laporan Ketua Pegawai Eksekutif
46	Penyata Kewangan
106	Trend Harga Minyak Mentah & Barangan Petroleum
107	Prestasi Saham
108	Ringkasan Kewangan Kumpulan – 5 tahun
110	Kalendar Korporat
116	Kawasan Operasi
118	Maklumat Pemegang Saham
121	Senarai Hartanah
	Borang Proksi
1	Corporate Profile
4	Notice Of Annual General Meeting
6	Corporate Information
7	Board Of Directors
8	Board Of Directors Profile
13	Management Committee
14	Corporate Governance
20	Board Audit Committee
24	Chairman's Statement
28	Chief Executive Officer's Report
76	Financial Statements
106	Crude Oil & Petroleum Product Price Trend
107	Share Performance
108	Group's Financial Summary – 5 years
110	Corporate Calendar
116	Areas Of Operation
118	Shareholders Information
121	List Of Properties
	Proxy Form

Kulit

Selaras dengan wawasannya untuk menjadi Syarikat Pilihan Pertama, PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) kini meneruskan usaha memaju serta mempertingkatkan khidmat pelanggannya. Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) dalam talian merupakan usaha digital yang dilaksanakan oleh PDB untuk mewujudkan satu saluran komunikasi yang lebih tersusun bagi sumber manusia dan teknologi mengendali serta menangani dengan berkesan lagi efisien semua aspek proses perniagaan.

Skrin komputer yang sentiasa terpasang menggambarkan konsep khidmat dalam talian ini sebagai salah satu produk dinamik PDB. Paparannya tidak sahaja tertumpu pada imej-imej pameran komputer, malah juga pada ikon-ikon khidmat seperti di bawah bahagian skrin. Skrin tersebut juga memaparkan beberapa khidmat tersebut dalam bentuk gambar bagi menekankan lagi tentang khidmat-khidmat PDB yang sedia ditawarkan dalam pasaran.

Cover

In line with its vision to become The Company of 1st Choice, PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) continues to develop and improve its customer services. The on-line Customer Service Centre (CSC) is one digital entity undertaken by PDB, creating a structured communication channel of human and technological resources to deal in and resolve, effectively and efficiently, all aspects of business processes.

The ubiquitous computer screen illustrates the on-line service concept as one of PDB's latest dynamic products. This is reflected not only in the computer images exhibits but also in the functional service icons as shown at the bottom of the screen. The screen also portrays some of the services in pictorial forms to emphasize on several PDB's services which are already available to the market.

Corporate Profile

PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Ogos 1982. Ia menjadi sebuah syarikat awam pada 21 Ogos 1993. Saham syarikat ini telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 8 Mac 1994.

PDB merupakan unit pemasaran domestik yang utama bagi PETRONAS, iaitu syarikat minyak negara, yang memegang sebanyak 69.86% ekuitinya. PDB memasarkan pelbagai barangan petroleum bermutu tinggi, termasuk petrol, gas petroleum cecair (LPG), minyak penerbangan, minyak tanah, diesel, minyak bahanbakar, minyak kapal, minyak pelincir, gas asli kenderaan (NGV) dan asfalt.

Dalam pasaran hasil petroleum, terdapat enam syarikat utama yang bersaing untuk memasarkan keluaran kepada pengguna bahanbakar yang terdiri daripada pemilik kenderaan, isi rumah, syarikat penerbangan, kilang-kilang pemerosesan dan pembuatan dan stesen janakuasa. Sejak PDB memasarkan hasil keluarannya, barangan petroleumnya mendapat sambutan dan kepercayaan pelanggan. Ini terbukti dengan peningkatan pesat dalam jualan barangan tersebut. PDB memasarkan barangannya ke seluruh negara, terus kepada pelanggan dan juga menerusi 552 buah stesen servis, 505 wakil penjual LPG dan 178 wakil penjual industri. Aktiviti pemasarannya disokong oleh satu rangkaian logistik dan sistem pengedaran yang luas terdiri daripada 10 buah depot pukal, 11 buah depot penerbangan, 7 kemudahan mengisi minyak kapal dan 7 buah loji pengisian LPG, kesemuanya terletak di lokasi yang strategik untuk memastikan bekalan yang mencukupi pada setiap masa.

PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) was incorporated in Malaysia under the Companies Act 1965 on 5 August 1982 and was converted to a public company on 21 August 1993. Shares of the company were listed on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) on 8 March 1994.

The Company is the principal domestic marketing arm of PETRONAS, the national oil company, which holds 69.86% of its equity. PDB markets a wide range of high quality petroleum products including motor gasoline, liquefied petroleum gas (LPG), aviation fuel, kerosene, diesel, fuel oil, bunker fuel, lubricants, natural gas for vehicle (NGV) and asphalt.

The market for petroleum products is competitive, with six major companies competing for sales of fuels to consumers which include motorists, households, airlines, processing and manufacturing plants and power stations. Since its market entry, PDB's products have enjoyed a high market acceptance and customer confidence, as evidenced by PDB's rapid sales growth over the years. PDB markets its product throughout the country, directly to customers as well as through its network of 552 service stations, 505 LPG dealers and 178 industrial dealers. Its marketing activities are well supported by a comprehensive logistics and distribution system consisting of 10 bulk depots, 11 aviation depots, 7 bunkering facilities, and 7 LPG bottling plants, all strategically located to ensure a reliable supply of products at all times.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

D

ENGAN INI DIBERITAHU bahawa Mesyuarat Agung Tahunan yang Kesembilan Belas akan diadakan di **Grand Ballroom, Aras 2, Hotel Nikko Kuala Lumpur, 165, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur** pada hari **Isnin, 6 Ogos 2001** pada pukul **10.00 pagi** untuk mempertimbangkan perkara-perkara berikut:-

Agenda

- 1 Menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Akaun yang telah diaudit pada tahun berakhir 31 Mac 2001 serta Laporan Juruaudit mengenainya. **(Resolusi 1)**
- 2 Meluluskan pembayaran dividen terakhir sebanyak 15% setiap saham biasa ditolak cukai sebanyak 28% bagi tahun berakhir 31 Mac 2001. **(Resolusi 2)**
- 3 Melantik semula Pengarah-pengarah berikut mengikut Artikel 93 Tataurusan Syarikat:-
 - (a) Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican **(Resolusi 3)**
 - (b) Dr. R. Thillainathan **(Resolusi 4)**
 - (c) Anuar bin Ahmad **(Resolusi 5)**
- 4 Meluluskan Pembayaran yuran Pengarah-pengarah bagi tahun berakhir 31 Mac 2001. **(Resolusi 6)**
- 5 Melantik semula Tetuan KPMG Desa Megat & Co. sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah menetapkan ganjaran mereka. **(Resolusi 7)**
- 6 Menguruskan lain-lain hal biasa Syarikat yang mana notis sewajarnya diberikan.

Notis Penutupan buku

NOTIS JUGA DIBERI bahawa Buku Pendaftaran Ahli-Ahli akan ditutup dari 15 Ogos 2001 hingga 17 Ogos 2001 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) bagi menentukan kelayakan ke atas dividen. Pembayaran dividen terakhir sebanyak 15% sekiranya diluluskan, akan dibayar pada 30 Ogos 2001 kepada pemegang saham yang namanya tercatat di dalam Rekod Pendaftar Pendeposit pada tarikh penutupan perniagaan pada 14 Ogos 2001.

Seseorang pendeposit hanya layak menerima dividen berhubung dengan:-

- (a) Saham-saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekuriti Pemegang sebelum 12.30 petang pada 14 Ogos 2001 untuk pemindahan-pemindahan biasa.
- (b) Saham-saham yang dibeli di Bursa Saham Kuala Lumpur di atas dasar peruntukan seperti yang terkandung di dalam Peraturan-peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Abdul Rahman bin Musa @ Onn (LS 01710)

Yeap Kok Leong (MAICSA 0862549)

Setiausaha Bersama

Kuala Lumpur

13 Julai 2001

Nota:

1. Setiap ahli yang berhak hadir dan mengundi di mesyuarat boleh melantik seorang atau lebih, untuk menghadiri dan mengundi sebagai proksi bagi pihaknya. Seorang proksi tidak semestinya ahli Syarikat
2. Suratcara perlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakilnya yang diberikuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik itu sebuah perbadanan, sama ada disempurnakan dengan cop mohornya atau disempurnakan oleh seorang pegawai atau peguam yang diberi kuasa berbuat demikian dan mesti diterima oleh Pendaftar Saham Syarikat, Malaysian Share Registration Services Sdn. Bhd., Tingkat 7, Exchange Square, Bukit Kewangan, 50200 Kuala Lumpur tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat tersebut.

Notice Of Annual General Meeting

N

OTICE IS HEREBY GIVEN that the Nineteenth Annual General Meeting of the Company will be held at the **Grand Ballroom, Level 2, Hotel Nikko Kuala Lumpur, 165, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur** on **Monday, 6 August, 2001 at 10.00 a.m.** to consider the following matters:-

Agenda

- 1 To receive and adopt the Audited Accounts for the year ended 31 March 2001 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon. **(Resolution 1)**
- 2 To approve the payment of a final dividend of 15% per ordinary share less income tax at 28% in respect of the year ended 31 March 2001. **(Resolution 2)**
- 3 To re-elect the following Directors pursuant to Article 93 of the Company's Articles of Association:–
 - (a) Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican **(Resolution 3)**
 - (b) Dr. R. Thillainathan **(Resolution 4)**
 - (c) Anuar bin Ahmad **(Resolution 5)**
- 4 To approve the payment of Directors' fees in respect of the year ended 31 March 2001. **(Resolution 6)**
- 5 To re-appoint Messrs. KPMG Desa Megat & Co. as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration. **(Resolution 7)**
- 6 To transact any other ordinary business for which due notice has been given.

Notice Of Book Closure

NOTICE IS ALSO HEREBY GIVEN that the Register of Members will be closed from 15 August 2001 to 17 August 2001 (both dates inclusive) to determine the shareholders entitlement to the dividend payment. The final dividend of 15% if approved, will be payable on 30 August 2001 to shareholders whose names appear in the Record of Depositors at the close of business on 14 August 2001.

A depositor shall qualify for entitlement to the dividend only in respect of:-

- (a) Shares transferred into the Depositor's Securities Account before 12.30 p.m. on 14 August 2001 in respect of ordinary transfers.
- (b) Shares bought on the Kuala Lumpur Stock Exchange on a cum entitlement basis according to the Rules of the Kuala Lumpur Stock Exchange.

By Order of the Board

Abdul Rahman bin Musa @ Onn (LS No. : 01710)

Yeap Kok Leong (MAICSA No. : 0862549)

Joint Secretaries

Kuala Lumpur
13 July 2001

Notes:

- 1. A member of the Company entitled to attend and vote at the meeting may appoint a proxy or proxies to attend and vote on his behalf. A proxy may but need not be a member of the Company.
- 2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or his attorney duly authorised in writing or if the appointer is a corporation either under seal or under the hand of an officer or attorney duly authorised and must be deposited at the Company's Share Registrar, Malaysian Share Registration Services Sdn. Bhd., 7th Floor, Exchange Square, Bukit Kewangan, 50200 Kuala Lumpur, not less than 48 hours before the time fixed for the meeting.

PANDUAN KORPORAT

Corporate Information

Pengarah-pengarah/Directors

Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican (Pengerusi/Chairman)
Anuar bin Ahmad
Datuk Ishak bin Imam Abas
Dato' Mohd Ali bin Yasin
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas
Chew Kong Seng
Dr. R. Thillainathan
Abdul Rahim bin Haji Hashim
Mohamad Rauff bin Nabi Bax

Jawatankuasa Lembaga Audit/Board Audit Committee

Chew Kong Seng (Pengerusi/Chairman)
Dr. R. Thillainathan
Datuk Ishak bin Imam Abas

Setiausaha Bersama/Joint Secretaries

Abdul Rahman bin Musa @ Onn
Yeap Kok Leong

Pendaftar/Registrar

Malaysian Share Registration Services Sdn. Bhd.
Tingkat 7, Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur
Tel : (03) 206 8099
Faks/Fax : (03) 206 3736

Alamat Pejabat Pendaftar/Registered Office

Tower 1
PETRONAS Twin Towers
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur
Tel : (03) 206 5500
Faks/Fax : (03) 206 5505

Alamat Perniagaan/Business Address

Level 30-33, Tower 1
PETRONAS Twin Towers
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur
Tel : (03) 206 5500
Faks/Fax : (03) 206 5505

Bank/Banker

Bumiputra Commerce Bank Berhad

Penyenaraian Bursa Saham/

Stock Exchange Listing

Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur/
Main Board Kuala Lumpur Stock Exchange

Juruaudit/Auditors

KPMG Desa Megat & Co.

Peguamcara Utama/Principal Solicitors

Zul Rafique & Partners
Othman Hashim & Co.
Lee Hishammuddin

LEMBAGA PENGARAH

Board Of Directors



Duduk, dari kiri ke kanan/Sitting, from left to right:

Anuar bin Ahmad, Tan Sri Dato'Mohd Hassan bin Marican, Chew Kong Seng

Berdiri, dari kiri ke kanan/Standing, from left to right:

Dr. R. Thillainathan, Abdul Rahim bin Haji Hashim, Datuk Ishak bin Imam Abas, Dato'Mohd Ali bin Yasin, Mohamad Rauff bin Nabi Bax, Dato'Shamsul Azhar bin Abbas, Yeap Kok Leong, Abdul Rahman bin Musa @ Onn

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Board Of Directors Profile



Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican (Pengerusi/Chairman)

Tan Sri Dato' Mohd. Hassan bin Marican, 48 dilantik sebagai Pengerusi PETRONAS Dagangan Berhad pada 29 Mac 1995. Seorang Fellow Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales, Institut Akauntan Awam Malaysia dan Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, beliau mula berkhidmat dengan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) pada tahun 1989 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan dan dilantik sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif dalam bulan Februari 1995.

Tan Sri Dato' Mohd Hassan adalah ahli lembaga pengarah PETRONAS. Selain PDB, beliau juga menjadi Pengerusi tiga buah lagi syarikat awam yang tersenarai dalam Kumpulan PETRONAS iaitu PETRONAS Gas Berhad, Malaysia International Shipping Corporation Berhad dan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad. Di luar negara pula, beliau adalah Pengerusi Engen Limited, sebuah syarikat penapisan minyak dan pemasaran yang terunggul di Afrika Selatan, yang juga anak syarikat PETRONAS. Beliau juga menjadi ahli lembaga Premier Oil Plc, sebuah syarikat bersekutu PETRONAS yang disenaraikan di Bursa Saham London. Di luar PETRONAS, Tan Sri Dato' Mohd Hassan adalah seorang ahli lembaga pengarah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, yang mengawasi pembangunan sumber petroleum di kawasan bertindih antara Malaysia dengan Thailand.

Tan Sri Dato' Mohd Hassan Marican, aged 48, was appointed Chairman of PETRONAS Dagangan Berhad on 29 March 1995. A Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales, the Malaysian Institute of Public Accountants and the Malaysian Association of Certified Public Accountants, he joined Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) in 1989 as Senior Vice-President of Finance and was appointed President and Chief Executive Officer in February 1995.

Tan Sri Dato' Mohd Hassan is a member of the PETRONAS board of directors, and apart from PDB, is Chairman of three other public listed companies under the Group, namely PETRONAS Gas Berhad, Malaysia International Shipping Corporation Berhad and Perusahaan Otomobil Nasional Berhad. Overseas, Tan Sri Dato' Mohd Hassan is the Chairman of Engen Limited, South Africa's leading oil refining and marketing company which is a subsidiary of PETRONAS. He also sits on the board of Premier Oil Plc, a PETRONAS associate company which is listed on the London Stock Exchange Beyond PETRONAS, Tan Sri Dato' Mohd Hassan is a board member of the Malaysia-Thailand Joint Authority, which oversees petroleum development in the overlapping area between Malaysia and Thailand.



Encik Anuar Ahmad bin Ahmad (Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/Managing Director/Chief Executive Officer)

Encik Anuar bin Ahmad, 47, memiliki ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi) dari London School of Economics & Political Science, University of London dan telah mengikut Advanced Management Programme di Harvard Business School, Amerika Syarikat. Beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat pada 1 Julai 1998 dan telah menjadi ahli Lembaga sejak 20 Mei 1995. Beliau mula berkhidmat dengan PETRONAS pada 1977 dan telah memegang pelbagai jawatan di peringkat pengurusan kanan di Bahagian Pemasaran Antarabangsa, Unit Perancangan Korporat dan PETRONAS Trading Corporation Sdn. Bhd. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pengurusan PETRONAS dan dilantik sebagai ahli Lembaga beberapa buah syarikat dalam Kumpulan PETRONAS.

Encik Anuar bin Ahmad, aged 47, holds a Bachelor of Science degree (Econs) from the London School of Economics & Political Science, University of London and attended Harvard Business School's Advanced Management Programme, USA. He was appointed the Managing Director/Chief Executive Officer of the Company on 1 July 1998 and has been a Board member since 20 May 1995. He joined PETRONAS in 1977 and has held various senior managerial positions in International Marketing Division, Corporate Planning Unit and PETRONAS Trading Corporation Sdn. Bhd.. He is a member of PETRONAS Management Committee and sits on the Board of several companies under PETRONAS Group.



Encik Chew Kong Seng (Pengarah Bebas/Independent Director)

Encik Chew Kong Seng, 63, adalah Pengarah Bebas dan dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 25 Mac 1994. Beliau ialah seorang Fellow Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales, serta ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau pernah bekerja di United Kingdom dari tahun 1964 sehingga 1970 dan kembali ke Malaysia untuk menyertai Turquand, Young & Co. (kini dikenali sebagai Ernest & Young) termasuk sebagai Rakan Pengurusan syarikat berkenaan dari tahun 1990 sehingga 1996. Berdasarkan kepada tugas perakaunan beliau, pengalaman beliau merangkumi berbagai-bagai bidang industri termasuk perbankan dan institusi kewangan, industri berdasarkan kayu balak, pembuatan, perniagaan dan pelaburan asing. Beliau kini ialah Pengarah Eksekutif Sarawak Enterprise Corporation Berhad, sebuah syarikat awam yang tersenarai selain menjadi ahli Lembaga tiga buah lagi syarikat awam yang tersenarai iaitu PETRONAS Gas Berhad, Industrial Concrete Products Berhad dan Great Wall Plastic Industries Berhad serta sebagai pengarah di beberapa buah syarikat sendiri berhad.

Mr. Chew Kong Seng, aged 63, an Independent Director was appointed to the Board on 25 March 1994. He is a Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales, as well as a member of the Malaysian Association of Certified Public Accountants and the Malaysian Institute of Accountants. He had worked in United Kingdom from 1964 until 1970 and returned to Malaysia to join Turquand, Young & Co. (now known as Ernest & Young) and held various senior positions in Ernest & Young including as Managing Partner of the outfit from 1990 to 1996. Due to his accountancy work, his experience covers a wide variety of industries including banking and financial institutions, timber based, manufacturing, trading and foreign investment. He is currently the Executive Director of Sarawak Enterprise Corporation Berhad, a public listed company and is also a Board member of three other public listed companies namely PETRONAS Gas Berhad, Industrial Concrete Products Berhad and Great Wall Plastic Industries Berhad as well as directorship in several private limited companies.



Dr. R. Thillainathan (Pengarah Bebas/Independent Director)

Dr. R. Thillainathan, 56, adalah Pengarah Bebas dilantik sebagai ahli Lembaga pada 24 Mac 1994. Beliau memiliki Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Kelas 1 Kepujian dari Universiti Malaya (1968) dan memperolehi Ijazah Sarjana dan PhD dalam bidang Ekonomi dari London School of Economics. Beliau juga seorang Fellow Institut Jurubank, Malaysia. Beliau kini ialah Pengarah Kewangan Genting Berhad, sebuah syarikat awam yang tersenarai serta ahli Lembaga Commerce-BT Unit Trust Management Berhad dan Malaysian Derivatives Clearing House Sdn. Bhd. Dr. R. Thillainathan mempunyai pengalaman luas dalam bidang kewangan dan perbankan dan bergiat cergas dalam beberapa buah badan profesional dan kebangsaan termasuk sebagai Presiden Persatuan Ekonomik Malaysia (sejak 1996) dan sebagai ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II), Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Jawatankuasa Cukai Dewan Antarabangsa Perniagaan dan Industri Malaysia.

Dr. R. Thillainathan, aged 56, an Independent Director was appointed to the Board on 24 March 1994. He holds a Class 1 Honours in Bachelor of Arts (Economics), University of Malaya (1968) and obtained his Masters and PhD in Economics from the London School of Economics. He is also a Fellow of the Institute of Bankers, Malaysia. He is currently the Director of Finance for Genting Berhad, a public listed company as well as a Board member of Commerce-BT Unit Trust Management Berhad and the Malaysian Derivatives Clearing House Sdn. Bhd. Dr. R. Thillainathan has extensive years of experience in finance and banking and is actively involved in numerous professional and national bodies including President of the Malaysian Economic Association (since 1996) and as a member of Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II), the Malaysian Accounting Standards Board, the Investment Panel for Employees Provident Fund and the Taxation Committee in the Malaysian International Chamber of Commerce & Industry.



Datuk Ishak bin Imam Abas (Pengarah Bukan Eksekutif/Non-Executive Director)

Berusia 55 tahun, Datuk Ishak bin Imam Abas dilantik menjadi ahli Lembaga pada 20 Mei 1995. Beliau ialah Ahli Bersekutu Institut Berkanun Akauntan Pengurusan, United Kingdom. Sebelum menyertai PETRONAS beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Kewangan Pfizer (M) Sdn. Bhd., Bendahari Universiti Kebangsaan Malaysia, Pengarah Kewangan Western Digital (M) Sdn. Bhd. dan Akauntan di Pernas. Beliau mula berkhidmat di PETRONAS pada 1981 dan telah menyandang pelbagai jawatan kanan termasuk sebagai Timbalan Pengurus Besar Komersil PETRONAS Dagangan Sdn. Bhd. (kini dikenali sebagai PETRONAS Dagangan Berhad), Pengurus Besar Kanan Kewangan PETRONAS dan kini sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan PETRONAS. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah PETRONAS dan ahli Lembaga beberapa buah syarikat dalam Kumpulan PETRONAS.

Aged 55, Datuk Ishak bin Imam Abas was appointed to the Board on 20 May 1995. He is an Associate Member of the Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom. Prior to joining PETRONAS he had worked amongst others as Finance Director of Pfizer (M) Sdn. Bhd., Bursar of the National University of Malaysia, Finance Director of Western Digital (M) Sdn. Bhd. and an Accountant in Pernas. He joined PETRONAS in 1981 and had held various senior positions including Deputy General Manager Commercial of PETRONAS Dagangan Sdn. Bhd. (now known as PETRONAS Dagangan Berhad), Senior General Manager Finance PETRONAS and is currently PETRONAS' Senior Vice-President Finance. He is a member of the PETRONAS' Board of Directors and is a Board member of several companies within the PETRONAS Group.



Dato' Mohd Ali bin Yasin (Pengarah Bukan Eksekutif/Non-Executive Director)

Dato' Mohd. Ali bin Yasin, 57, dilantik menjadi ahli Lembaga pada 6 Oktober 1997. Beliau ialah lulusan bidang perakaunan Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA) dan merupakan seorang ahli Institut Berkanun Akauntan Pengurusan, U.K. dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau kini memegang jawatan sebagai Naib Presiden Urusniaga Maritim dan Logistik PETRONAS dan pada masa yang sama menjadi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia International Shipping Corporation Berhad (MISC), sebuah syarikat awam yang tersenarai. Beliau adalah juga seorang Pengarah di Northport Corporation Berhad, sebuah syarikat awam yang tersenarai serta menjadi ahli lembaga beberapa buah syarikat Kumpulan PETRONAS dan MISC yang tidak tersenarai. Sebelum menyertai PETRONAS pada tahun 1975, beliau pernah berkhidmat selama sepuluh tahun sebagai Ketua Kewangan di syarikat-syarikat utama bidang pengangkutan/pemungghahan dan perkilangan.

Dato' Mohd. Ali bin Yasin, aged 57, was appointed to the Board on 6 October 1997. Dato' Mohd. Ali bin Yasin is an accountancy graduate of MARA Institute of Technology (now University Technology MARA) and is a member of the Chartered Institute of Management Accountants, U.K. and the Malaysian Institute of Accountants. He is the Vice-President of PETRONAS Logistics and Maritime Business and concurrently the Managing Director/Chief Executive Officer of Malaysia International Shipping Corporation Berhad (MISC), a public listed company. He is a director of Northport Corporation Berhad, a public listed company and sits on various non-listed boards of PETRONAS and MISC Group of companies. Prior to joining PETRONAS in 1975, he has served for ten years as Head of Finance in major transport/haulage and manufacturing companies.



Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (Pengarah Bukan Eksekutif/Non-Executive Director)

Berusia 49 tahun, Dato' Shamsul Azhar bin Abbas dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Oktober 1999. Beliau memiliki ijazah Sains Social (Sains Politik) dari Universiti Sains Malaysia, Diploma Kejuruteraan dari Institute of Petroleum (France) dan Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Tenaga dari University of Pennsylvania (USA). Beliau mula berkhidmat dengan PETRONAS pada tahun 1975 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di Bahagian Pemasaran Antarabangsa dan Unit Perancangan Korporat & Pembangunan Urusniaga. Beliau dilantik sebagai Naib Presiden Urusniaga Petrokimia pada tahun 1997 dan kini merupakan Naib Presiden Urusniaga Minyak PETRONAS sejak September 1999. Beliau juga adalah ahli lembaga pada beberapa buah syarikat dalam Kumpulan PETRONAS.

Aged 49, Dato' Shamsul Azhar bin Abbas was appointed to the Board on 1 October 1999. He holds a degree in Social Science (Political Science) from Science University of Malaysia, Diploma of Engineering from Institute of Petroleum (France) and a Master of Science in Energy Management from University of Pennsylvania (USA). He joined PETRONAS in 1975 and has held various senior positions in PETRONAS including International Marketing Division and Corporate Planning & Business Development Unit. He was appointed as the Vice-President Petrochemical Business PETRONAS in 1997 and is currently the Vice-President Oil Business PETRONAS since September 1999. He also sits on the Board of several companies under PETRONAS Group.



Encik Abdul Rahim bin Haji Hashim (Pengarah Bukan Eksekutif/Non-Executive Director)

Berusia 47 tahun, Encik Abdul Rahim Hj. Hashim dilantik menjadi ahli Lembaga pada 17 Ogos 1991. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Sains (Elektronik & Elektrikal) Kejuruteraan, dari University of Birmingham United Kingdom. Beliau adalah ahli Lembaga Jurutera Malaysia, Institut Jurutera Malaysia dan ahli bersekutu Institut Jurutera Kimia Amerika. Beliau menyertai PETRONAS pada tahun 1976 dan kini memegang jawatan Naib Presiden, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia PETRONAS. Sebelum dilantik ke jawatan ini beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan di Bahagian Pemprosesan & Pembuatan dan PETRONAS Penapisan (Terengganu) Sdn. Bhd. serta menjadi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Penapisan (Melaka) Sdn. Bhd. Encik Abdul Rahim adalah ahli Lembaga beberapa buah syarikat dalam Kumpulan PETRONAS termasuk Perusahaan Otomobil Nasional Berhad, sebuah syarikat awam yang tersenarai. Beliau juga ialah anggota lembaga Engen Ltd, sebuah syarikat Afrika Selatan yang menjadi anak syarikat PETRONAS.

Aged 47, Encik Abdul Rahim Hj. Hashim was appointed to the Board on 17 August 1991. He holds a Bachelor of Science (Electronic & Electrical) Engineering degree from University of Birmingham, United Kingdom. He is a member of the Board of Engineers Malaysia, Institute of Engineers Malaysia and an associate member of the American Institute of Chemical Engineers. He joined PETRONAS in 1976 and is currently the Vice President, Human Resources Management Division PETRONAS. Prior to assuming this position, he has held various senior positions in PETRONAS in Processing & Manufacturing Division and PETRONAS Penapisan (Terengganu) Sdn. Bhd. as well as being the Manager Director/CEO of PETRONAS Penapisan (Melaka) Sdn. Bhd. He is a member of the Board of several companies within the PETRONAS group including Perusahaan Otomobil Nasional Berhad, a public listed company. He is also a member of Engen Ltd, a South African company which is a subsidiary of PETRONAS.



Encik Mohamad Rauff bin Nabi Bax (Pengarah Bukan Eksekutif/Non-Executive Director)

Encik Mohamed Rauff bin Nabi Bax, 47, dilantik menjadi ahli Lembaga pada 20 Mei 1995. Beliau adalah lulusan ijazah Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau menyertai PETRONAS pada 1990 dan kini menjadi Pengurus Besar Urusniaga Minyak, Bahagian Undang-Undang dan Hal Ehwal Korporat PETRONAS. Sebelum itu, beliau berkhidmat dengan Kerajaan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang dengan jawatan terakhir sebagai Pendakwa Kanan Persekutuan di Bahagian Undang-Undang Sivil, Jabatan Peguam Negara. Encik Mohamed Rauff juga menjadi ahli Lembaga beberapa buah syarikat dalam Kumpulan PETRONAS.

Encik Mohamed Rauff bin Nabi Bax, aged 47, was appointed to the Board on 20th May 1995. He graduated with an LLB (Hons) from the University of Malaya. He joined PETRONAS in 1990 and is currently the General Manager, Oil Business of the Legal and Corporate Affairs Division of PETRONAS. Prior to that, he served in the Government's Judicial and Legal Services where his last held position was as Senior Federal Counsel in the Civil Division of the Attorney General Chambers. Encik Mohamed Rauff is also a Board member of several companies within PETRONAS Group.

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Management Committee



Dari kiri ke kanan/From left to right:

Rahiman bin Hashim, Mohd Nasir bin Ismail, Che Noran binti Mohd Jelas, Ibrahim bin Marsidi, Anuar bin Ahmad, Dalbir Singh, Suhaila binti Abdullah, Zainal Rashid bin Mokhtar, Abdul Rahman bin Musa @ Onn

**Jawatankuasa Pengurusan/
Management Committee**

Anuar bin Ahmad

(Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/
Managing Director/Chief Executive Officer)

Ibrahim bin Marsidi

(Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Runcit/
General Manager, Retail Business Division)

Rahiman bin Hashim

(Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Komersil/
General Manager, Commercial Business Division)

Zainal Rashid bin Mokhtar

(Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Gas Petroleum Cecair/
General Manager, LPG Business Division)

Che Noran binti Mohd Jelas

(Pengurus Besar, Bahagian Perkhidmatan Kewangan/
General Manager, Finance Services Division)

Mohd. Nasir bin Ismail

(Pengurus Besar, Bahagian Bekalan & Pengedaran/
General Manager, Supply & Distribution Division)

Dalbir Singh

(Pengurus Kanan, Perancangan/Senior Manager, Planning)

Suhaila binti Abdullah

(Pengurus Kanan, Pengurusan Sumber Manusia &
Perkhidmatan Pentadbiran/Senior Manager, Human Resource
Management & Administration Services)

Abdul Rahman bin Musa @ Onn

(Setiasaha Syarikat/Penasihat Kanan Undang-Undang/
Company Secretary/Senior Legal Counsel)

TADBIR URUS KORPORAT

Corporate Governance

Lembaga Pengarah PETRONAS Dagangan Berhad ("PDB" atau "Syarikat") sedar bahawa pelaksanaan tadbir urus korporat yang baik dalam menjalankan urusan Syarikat dengan berwibawa, telus dan profesional adalah komponen-komponen penting untuk kemajuan dan kejayaan Syarikat yang berterusan kerana ini bukan sahaja dapat melindungi dan meningkatkan pelaburan dan nilai bagi pemegang saham tetapi pada waktu yang sama menentukan juga bahawa kepentingan pemegang-pemegang saham yang lain dilindungi.

Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah menyatakan kesungguhannya untuk menyokong cadangan-cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") dan langkah-langkah sedang diambil untuk menyediakan Syarikat bagi menerima, melaksana dan memenuhi amalan terbaik Kod dan keperluan penyenaraian baru Bursa Saham Kuala Lumpur ("Keperluan Penyenaraian BSKL").

Lembaga Pengarah Dan Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai latar belakang luas dalam perniagaan, kewangan, teknikal dan perkhidmatan awam. Para pengarah juga mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam lain-lain industri yang berkaitan dan yang tidak berkaitan. Dengan campuran kepakaran dan latar belakang ini, Syarikat dipimpin dan dibimbing dengan baik oleh Lembaga Pengarah yang berpengalaman dan cekap.

Mesyuarat Lembaga diadakan pada setiap suku tahun dan mesyuarat tambahan diadakan bila perlu. Lembaga Pengarah telah bersidang empat (4) kali sepanjang tahun

tinjauan. Semua pengarah telah memenuhi keperluan Tataurusan Persatuan berkenaan dengan kehadiran pada mesyuarat Lembaga. Lembaga Pengarah juga telah menubuhkan Jawatankuasa Audit Lembaga yang ditugaskan dengan tanggungjawab yang tertentu serta juga bertindak dalam bidang tugas yang jelas ditakrif. Pengerusi Jawatankuasa ini melapor hasil mesyuarat Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah dan laporan-laporan ini digabungkan sebagai sebahagian daripada minit mesyuarat Lembaga.

Lembaga Pengarah, bila perlu, boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga yang ditugaskan dengan kuasa dan tanggungjawab yang tertentu. Seiring dengan cadangan-cadangan Kod, Lembaga Pengarah sedang meninjau ke arah penubuhan Jawatankuasa Imbuhan dan Perlantikan Lembaga.

Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah PDB pada masa ini terdiri daripada sembilan (9) ahli, iaitu seorang (1) pengarah eksekutif yang juga bertindak sebagai pengarah urusan, dua (2) pengarah bukan eksekutif bebas dan enam (6) pengarah bukan eksekutif termasuk Pengerusi. Profil ringkas setiap pengarah dikemukakan dalam Laporan Tahunan ini pada muka surat 8 hingga 12. Syarikat sedang mengkaji semula komposisi Lembaga dan akan memastikan bahawa bilangan pengarah bukan eksekutif bebas sejajar dengan Keperluan Penyenaraian BSKL yang disusun semula.

Syarikat mengamalkan pembatasan tanggungjawab yang jelas dan keseimbangan kuasa dan kewibawaan. Peranan Pengerusi dan

Pengarah Urusan diasingkan dan jelas ditakrif dan kedua-dua jawatan pula dipegang oleh orang yang berasingan. Pengerusi bertanggungjawab terutamanya terhadap kelakuan dan fungsi Lembaga yang teratur, sementara Pengarah Urusan bertanggungjawab ke atas perjalanan harian perniagaan serta pelaksanaan dasar dan keputusan Lembaga. Pengarah Urusan dibantu dalam pengurusan perniagaan oleh Jawatankuasa Pengurusan, yang beliau runding bersama dan yang bermesyuarat sekali setiap bulan.

Pengarah bukan eksekutif memberi sumbangan yang besar ke arah pembentukan dasar dan membuat keputusan dan adalah bebas daripada pihak Pengurusan, dan dengan itu membantu menentukan tiada individu atau kumpulan yang mempunyai pengaruh dalam proses membuat keputusan Lembaga. Kehadiran pengarah bukan eksekutif bebas adalah penting kerana mereka memberi pandangan, nasihat dan penilaian yang bebas dan tidak berat sebelah serta melindungi kepentingan pihak lain seperti pemegang saham minoriti dan masyarakat.

Tataurusan Persatuan Syarikat mensyaratkan bahawa sekurang-kurangnya sepertiga daripada Lembaga Pengarah, tidak termasuk Pengarah Urusan, tertakluk kepada persaraan melalui giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan tetapi boleh layak untuk dipilih semula. Satu pindaan sedang digabungkan ke dalam Tataurusan Persatuan untuk mensyaratkan supaya Pengarah Urusan hendaklah juga bersara sekali sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun tetapi boleh layak untuk pemilihan semula.

The Board of Directors of PETRONAS Dagangan Berhad ("PDB" or the "Company") recognises that the exercise of good corporate governance in conducting the affairs of the company with integrity, transparency and professionalism are key components for the company's continued progress and success as these would not only safeguard and enhance shareholders investment and value but ensuring at the same time that the interests of other stakeholders are protected.

The Board is therefore committed in supporting the recommendations of the Malaysian Code on Corporate Governance (the "Code") and steps are currently undertaken to prepare the Company to adopt, implement and fulfil the Code's best practices and the recently revamped listing requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange ("KLSE Listing Requirement").

The Board And Board Committees

The Board of Directors of the Company comprised of members with a wide range of business, financial, technical and public service background. The directors also have experience and expertise in other related and unrelated industries. With this mix of expertise and background, the Company is ably led and guided by an experienced and competent Board of Directors.

Board meetings are held at quarterly intervals with additional meetings held whenever necessary. The Board met four (4) times during the year under review. All directors fulfilled the requirements of the Articles of Association in respect of board meeting attendance. The Board has also established the Board Audit Committee which is delegated with certain responsibilities as well as operates within clearly defined terms of reference. The Chairman of this Committee reports the outcomes of Committee meetings to the Board and such reports are incorporated as part of the minutes of the Board meetings.

The Board may, whenever required, set up Board committees delegated with specific powers and responsibilities. In cognizance of the recommendations of the Code, the Board is looking into the establishment of the Board Remuneration and Nomination Committee.

Board Composition

PDB's Board currently consists of nine (9) members; comprising one (1) executive director who is also the managing director, two (2) independent non-executive directors and six (6) non-executive directors including the Chairman. A brief profile of each director is presented in this Annual Report on pages 8 to 12. The Company is reviewing the Board composition towards ensuring that the number of independent non-executive directors is in line with the revamped KLSE Listing Requirements.

The Company practices a clear demarcation of responsibilities and a balance of power and authority. The roles of the Chairman and the Managing Director are separated and clearly defined and the positions are individually held by two persons. The

Chairman is primarily responsible for the orderly conduct and working of the Board whilst the Managing Director is responsible for the day to day running of the business and implementation of Board policies and decisions. The Managing Director is assisted in managing the business by the Management Committee, which he consults and which meets once a month.

The non-executive directors provides significant contribution to the formulation of policies and decision-making and are independent of the Management thereby helping to ensure that no one individual or group dominates the Board's decision - making process. The presence of the independent non-executive directors is essential as they provide unbiased and independent views, advise and judgement as well as to safeguard the interest of other parties such as minority shareholders and the community.

The Articles of Association of the Company provides that at least one third of the directors, excluding the Managing Director, are subject to retirement by rotation at each Annual General Meeting but shall be eligible for re-election. An amendment is being incorporated to the Articles of Association to provide that the Managing Director shall also retire once at least in each three (3) years but is eligible for re-election.

Supply Of Information To The Board

It is the practice of the Company that each new director who comes on board is given a comprehensive understanding on the operations of the Company.

Pemberian Maklumat Kepada Lembaga

Adalah amalan Syarikat untuk memberi maklumat yang komprehensif tentang operasi Syarikat kepada setiap pengarah baru yang menyertai Lembaga.

Sebelum setiap Mesyuarat Lembaga, setiap pengarah diberi agenda dan satu set kertas mesyuarat bagi setiap butir agenda yang hendak dipertimbangkan. Pengarah Urusan akan membentangkan kertas mesyuarat dan memberi penjelasan terperinci tentang isu-isu yang berkaitan. Hal-hal yang perlu mana-mana keputusan lazimnya akan dibincangkan dan dipertimbangkan dengan teliti oleh Lembaga. Semua pengarah berhak meminta penjelasan dan maklumat tambahan untuk membantu mereka dalam hal-hal yang memerlukan keputusan mereka.

Selain dari penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahun, laporan mengenai prestasi dan kemajuan Syarikat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah setiap suku tahun bagi memberi maklumat terkini kepada pengarah-pengarah terhadap keadaan Syarikat.

Bagi setiap tahun kewangan, Lembaga akan mengkaji Rancangan dan Belanjawan Kumpulan PDB termasuk ramalan aliran tunai untuk tahun tersebut dan rangka unjuran bagi empat (4) tahun selanjutnya. Rancangan dan belanjawan ini disediakan pada peringkat dalaman dan disemak pada peringkat Jawatankuasa Pengurusan PDB sebelum meminta kelulusan Lembaga.

Sementara pihak Pengurusan menyemak keputusan belanjawan pada setiap bulan, laporan mengenai keputusan dan perbezaan yang bertentangan dengan belanjawan dibentangkan untuk semakan Lembaga setiap suku tahun. Jika terdapat perbezaan yang ketara, pihak Pengurusan perlu mengambil tindakan yang bersesuaian.

Para pengarah juga boleh meminta nasihat dan khidmat daripada Setiausaha-Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab memastikan bahawa peraturan lembaga dipatuhi.

Jawatankuasa Audit Lembaga

Jawatankuasa Audit Lembaga terdiri daripada tiga (3) ahli iaitu Encik Chew Kong Seng (Pengerusi – pengarah bukan eksekutif bebas), Dr R. Thillainathan (pengarah bukan eksekutif bebas) dan Datuk Ishak bin Imam Abas (pengarah bukan eksekutif). Encik Chew Kong Seng ialah seorang ahli Institut Akauntan Malaysia.

Bidang tugas yang ditetapkan bagi Jawatankuasa tersebut seperti yang ternyata dalam muka surat 20 hingga 23 telah menggabungkan Keperluan Penyenaraian BSKL yang telah disusun semula. Tugas utamanya termasuk menyemak penyata kewangan, dasar kewangan, pelantikan dan ganjaran juruaudit luar. Jawatankuasa tersebut juga menyemak laporan dan rancangan juruaudit luar serta keberkesanan sistem audit dalaman. Sepanjang tahun tinjauan, Jawatankuasa tersebut telah menyemak audit yang telah dijalankan ke atas Bahagian Pembekalan dan Pengedaran Syarikat, operasi loji dan perkhidmatan depot penerbangan Syarikat di beberapa lokasi dan perkhidmatan akaun Bahagian Perkhidmatan Kewangan bagi beberapa wilayah. Jawatankuasa tersebut juga menyemak laporan-laporan audit dalaman mengenai syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu seperti operasi pengisian minyak kapal dan pengurusan penyelenggaraan West Port Bunkering Services Sdn Bhd dan operasi PS Pipeline Sdn Bhd. Sepanjang menjalankan tugasnya, Jawatankuasa

Audit Lembaga telah mendapat kerjasama padu daripada juruaudit-juruaudit luar dan dalaman dan menerima semua laporan audit yang dijalankan.

Ahli-ahli Jawatankuasa bertemu setiap suku tahun disertai dengan mesyuarat tambahan bila perlu. Sepanjang tahun tinjauan, Jawatankuasa bertemu enam (6) kali. Encik Chew Kong Seng hadir pada semua mesyuarat sementara Dr R. Thillainathan dan Datuk Ishak bin Imam Abas masing-masing tidak hadir satu (1) mesyuarat. Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat turut hadir bersama atas jemputan dan Setiausaha Syarikat juga bertindak sebagai setiausaha bagi Jawatankuasa. Juruaudit luar dan dalaman serta ketua pegawai kewangan Syarikat juga hadir bersama ketika pertimbangan yang memerlukan nasihat dan pandangan mereka dibuat.

Ganjaran Pengarah

Fi pengarah diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan pemegang saham berdasarkan syor Lembaga Pengarah. Semua pengarah, kecuali Pengarah Urusan, diberi fi pengarah. Ganjaran kepada Pengarah Urusan dicaj kepada Syarikat Pemegang sebagai perbelanjaan fi pengurusan.

Bagi tahun tinjauan, tiada seorang pun pengarah bukan eksekutif menerima ganjaran lebih daripada RM50,000 seorang.

Hubungan Dengan Pemegang Saham Dan Pelabur

